



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BILANGAN 19 /2006
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa kadar-kadar pencen umur tua dan elaun-elaun yang dibayar di bawah Akta Pencen Tua dan Hilang Keupayaan (Penggali 18) adalah dengan ini dinaikkan kepada satu kadar baru.

2. Perenggan 5 daripada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 12/1998 bertarikh 29 Rabiulawal 1419 bersamaan 23 Julai 1998 adalah dipinda seperti berikut:-

A. PENCEN DAN ELAUN

	<u>Lama</u>	<u>Baru</u>
i. Umur Tua	\$200	\$250
ii. Buta, Kusta dan Orang Tidak Siuman	\$200	\$250
Tanggungan:		
Umur 15 tahun dan kebawah	\$90	\$113
15 Tahun ke atas	\$150	\$188
iii. Penyakit Hansen	\$200	\$250
iv. Cacat	\$200	\$250

3. Pindaan ini berkuatkuasa mulai daripada 8hb Ramadhan 1427 bersamaan dengan **1hb Oktober 2006**.

Sekianlah saja yang dapat disampaikan pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan hormat,

[PG DATO PADUKA HAJI ABD HAMID BIN PG HAJI MOHD YASSIN]

Setiausaha Tetap

Rujukan: (19)JPM/SK/2006

Tarikh: 18 Ramadhan 1427

11 Oktober 2006